

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

**POTENSI UNSUR-UNSUR TEATER FORUM DALAM
PEMBENTUKAN INSAN MENYELURUH: DAPATAN
KAJIAN KUALITATIF KELAS PENDIDIKAN MORAL**

**POTENTIAL OF FORUM THEATRE IN FORMING A
HOLISTIC HUMAN BEING: QUALITATIVE FINDINGS
FROM MORAL EDUCATION CLASS**

Nadarajan Thambu ¹

¹Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia /
Senior Lecturer, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: nada@fsk.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/07>

Abstrak

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran media dramatik seperti Teater Forum boleh dikelaskan sebagai bahan media konkrit dan sifatnya menyerupai keadaan sebenar. Media dramatik ini boleh menukar pengalaman abstrak dalam pengajaran dan pembelajaran kepada pengalaman konkrit untuk melahirkan manusia yang holistik dari aspek pemikiran, perasaan dan tindakan. Artikel ini membincangkan potensi Teater Forum dalam membentuk manusia holistik seperti yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sebanyak 12 peserta terlibat dalam kajian kualitatif ini. Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual kumpulan berfokus dan entri catatan jurnal. Data yang dikumpul daripada pelbagai kaedah dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tema. Hasil kajian membuktikan bahawa elemen-elemen Teater Forum seperti dialog, latihan, aksi lakonan, tindakan membuat keputusan dan prinsip-prinsip dalaman dan luaran boleh menjadi teknik pengajaran yang berkesan untuk merangsang aspek pemikiran moral, emosi moral, tindakan moral, empati, pemikiran kritis dan kreatif serta kemahiran penyelesaian masalah.

KataKunci: Teater Forum, Pendidikan Moral, kualitatif, pengajaran dan pembelajaran, teknik

Abstract

In the process of teaching and learning the dramatic media such as Forum Theatre can be classified as concrete media material and its nature resembles the real situation. This dramatic media can exchange abstract experience in teaching and learning to concrete experience to create a whole human being from aspects of thinking, feeling and action. This article discusses the potential of Forum Theatre in forming a holistic human being as intended by the National Education Philosophy. A total of 12 participants were involved in this qualitative study. Data was collected through observation, focus group interviews and journal entries. Data collected using multiple methods were analysed using thematic analysis technique. The results prove that elements of Forum Theatre such as dialogue, training, acting, decision-making and internal and external principles can be an effective teaching technique to stimulate moral thinking and reasoning, moral emotion, moral action, empathy, critical and creative thinking and problem solving skills.

Keywords: Forum Theatre, Moral Education, qualitative, teaching and learning, technique.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 3rd September 2018, revised 20th September 2018, accepted 10th October 2018


Pengenalan

Pendidikan Moral di Malaysia diajar sebagai satu mata pelajaran teras (di peringkat sekolah rendah dan menengah) untuk pelajar bukan beragama Islam seperti pelajar Cina, India, Orang Asli, Iban serta Kadazandusun (Chang, 1998; Vishalache, 2011)^{1,2}. Mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan moral murid melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)³. Oleh itu, pengajaran di kelas perlu menjurus kepada penerapan aspek pemikiran moral (penaakulan moral), perasaan moral dan tingkah laku moral secara sepadu. Keseimbangan ketiga-tiga aspek moral yang diperoleh dan dihayati akan menentukan jenis manusia yang bakal dilahirkan.

Ternyata, tumpuan terhadap nilai-nilai murni masyarakat bertujuan untuk melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, berfikiran matang, berperibadi mulia serta rela dan sanggup berbakti kepada masyarakat dan negara (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)³. Maka demi merealisasikan matlamat dan objektif pendidikan aspek pedagogi pendidikan perlu dititikberatkan sebagai jentera yang mampu untuk menterjemahkan segala aspirasi pendidikan ke

dalam realiti kehidupan murid. Guru pula perlu berperanan sebagai agen moral yang menggalakkan pertumbuhan keperibadian, pemikiran dan perwatakan murid yang bermoral (Ruiz, 2010)⁴.

Program Pendidikan Moral di Malaysia juga memberi peluang kepada murid menguasai kemahiran seperti kemahiran generik, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan konflik dan kemahiran sosial (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, Tingkatan Empat, 2004)⁵. Pendidikan Moral yang mempunyai matlamat dan objektif yang khusus ini juga mendukung rangka konsepsi yang tersendiri. Pengajaran nilai di sekolah diharapkan berfokus kepada Model Insan Menyeluruh yang meliputi tiga aspek moral yang saling berkaitan. Hal ini bermaksud perwatakan yang positif harus terdiri daripada tiga aspek moral iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral (Lickona, 1991)⁶. Rujuk Rajah 1 yang menunjukkan Model Insan Menyeluruh.



Sumber. Diubahsuai daripada Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, Tingkatan Empat (2004)⁵

Rajah 1. Model insan menyeluruh

Dalam hubungan ini, kompetensi dalam kemahiran pedagogi amat dituntut. Hal ini kerana pengajaran Pendidikan Moral harus menjurus kepada pengajaran untuk mengembangkan pemikiran yang matang, mampu menyentuh hati nurani dan memikat dimensi moral secara semula jadi sebagai satu ciri pembelajaran efektif (Carr, 2005, 2006; Hanson, 1998)^{7,8,9}. Cabaran guru mata pelajaran Pendidikan Moral di kelas pula ialah bagaimana dan dengan cara apa mereka dapat melahirkan seorang insan bermoral untuk memenuhi tuntutan kurikulum

Pendidikan Moral dan agenda pendidikan negara. Dalam hubungan ini, Singhal dan Rogers (1999)¹⁰ berpendapat Teater Forum sengaja direka bentuk untuk meningkatkan pengetahuan murid tentang isu pendidikan, melahirkan sikap positif, anjakan norma sosial dan perubahan tingkah laku.

Bagi Freire (2000, 2013)^{11,12}, pendidikan sepatutnya berfungsi untuk membangkitkan kesedaran kritis yang dapat mendorong kepada transformasi keperibadian individu. Pedagogi pendidikan abad mendatang dikatakan perlu menjadi medium yang boleh menimbulkan refleksi kritis dalam kalangan murid, kerana murid ialah bakal warganegara yang harus berfikir untuk pembangunan dan perubahan sosial masyarakat. Pendidikan yang mementingkan fakta, bersifat sehalu, monolog (guru sahaja yang bersuara) serta hubungan guru-murid yang autokratik, sebenarnya telah menjadi satu ‘penindasan’ kepada murid. Hal ini kerana dalam sistem pendidikan konvensional murid menjadi pasif dan mereka tidak dapat berfikir di luar daripada lingkungan fakta dan isi kandungan yang telah ditetapkan terlebih dahulu oleh guru untuk mereka. Pendek kata, sistem pendidikan konvensional yang deduktif dan rigid telah ‘menyahkan’ tabii manusia sebagai makhluk berfikir, kreatif, inovatif serta yang memiliki kesedaran kritis.

Menurut Abdul Qasem (1978)¹³, Al-Ghazali (ahli falsafah Islam), lebih suka menganggap pendidikan sebagai teknik atau kemahiran dan bukannya sebagai suatu “sains” semata-mata. Manakala Hamid Reza Alawi (2007)¹⁴ pula menyatakan, bagi Al-Ghazali pengetahuan ialah nadi pendidikan dan pengetahuan yang mulia ialah pengetahuan tentang ketuhanan. Oleh itu, matlamat pendidikan ialah untuk membekalkan manusia dengan pengetahuan agar pengetahuan ini menjadi panduan untuk kehidupan yang bahagia di dunia dan di akhirat. Oleh sebab, pendidikan dianggap sebagai skill atau teknik, maka beliau memberikan penekanan yang penting terhadap teknik atau pedagogi pengajaran dalam usaha untuk menyebarkan ilmu pengetahuan.

Pedagogi menjadi perkara pokok yang menentukan kualiti pengajaran guru dan pembelajaran murid (Chia, 2007)¹⁵. Kilbane dan Milman (2014)¹⁶, menyatakan pedagogi sebagai pengetahuan khusus yang melibatkan strategi, kaedah, teknik dan teori pengajaran di dalam kelas. Menurut Pithers dan Soden (2000)¹⁷, pedagogi yang efektif perlu mengembangkan intelek, sahsiah, cara berfikir, amalan, sikap dan hubungan sesama manusia serta merangsang murid melibatkan diri sebagai warganegara yang aktif dalam pembangunan ekonomi negara.

Menurut Lickona (1991)⁶, murid-murid perlu merasai apa yang dibincangkan oleh guru di bilik darjah. Hal ini akan dapat mengungkitkan rasa hati mereka dan mengaktifkan pemikiran mereka dan menggalakkan mereka berfikir secara kritis untuk membuat sesuatu keputusan yang bermoral. Oleh itu, pemilihan teknik penyampaian yang berasaskan pengalaman harian sebenar membantu pembelajaran murid. Dalam keadaan ini, konsep, fakta atau kemahiran yang dipelajari akan cepat difahami atau mudah dikuasai. Dalam hubungan ini, menurut Abrahams (2005)¹⁸, pedagogi kritis (*critical pedagogy*) yang melihat proses pengajaran dan pembelajaran sebagai

dialog di antara guru dan murid wajar diambil kira sebagai model atau pedagogi pengajaran kerana ia berbeza dengan cara pengajaran konvensional yang autokratik.

Manakala pedagogi kritis bagi McLaren (2002, 2003)^{19,20}, ialah pedagogi yang mengutamakan pemikiran transformasi untuk melahirkan murid yang berfikiran kritis untuk mengubah realiti sosial diri dan masyarakat. Dalam pendekatan ini, murid dihargai sebagai insan yang mempunyai kesedaran dan keinsafan yang penuh untuk berubah dari aspek pemikiran, perasaan dan tindakan. Tujuan pengajaran bukan untuk membimbing murid menghafal fakta dan isi kandungan moral secara mekanikal tetapi melibatkan mereka dalam proses inkuiri, dialog, realiti kehidupan sebenar, keinsafan, ilmu, kreativiti, kesedaran dan transformasi dalam bentuk tingkah laku (Kincheloe, 2008)²¹. Falsafah, kandungan dan aspirasi pedagogi kritis pula dapat dijelmakan secara amali melalui teknik Teater Forum (Nadarajan Thambu & Muhammad Hasbi, 2017)²².

Teater Forum

Ahli psikologi Damon (2002)²³ mengakui amalan berteatr mampu membantu dalam melahirkan murid yang bermoral. Menurut beliau, teater adalah media hidup yang paling dekat dengan manusia untuk mereka memperoleh “latihan moral” dalam melangsungkan kehidupan. Teater sebagai bahan perangsang mampu membekalkan murid dengan satu bentuk dilema moral dalam bentuk yang diramalkan, mudah dan berulang-ulang seperti yang akan dihadapi oleh mereka dalam kehidupan harian (Levy, 1997)²⁴. Dalam konteks ini, bentuk teater seperti Teater Forum mampu digunakan sebagai satu jenis latihan asas untuk hidup dan membantu mereka melalui amalan hidup harian dengan betul terhormat serta mulia (Boal, 2008)²⁵.

Teater Forum diperkenalkan oleh Boal (1979, 2008)^{26,25}. Teater Forum ialah satu teknik pengajaran dan pembelajaran interaktif yang memerlukan murid terlibat secara aktif dalam proses mengolah skrip, menghafal, terlibat dalam forum, berlakon dan meluahkan idea. Hal ini membolehkan murid menghayati nilai dan memikirkan tentang apa yang mereka lakukan. Murid juga berpeluang terlibat secara intelek, emosi dan fizikal (Babbage, 2004; Hewson, 2007; Osburn, 2010)^{27,28,29}. Teknik pengajaran interaktif ini mampu memberikan peluang kepada murid sedar dan terlibat secara kognitif, melihat sesuatu konflik moral secara kritis dan mencari penyelesaian kepada masalah. Kemahiran penyelesaian yang digunakan dalam teater pula dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah sebenar dalam kehidupan (Osburn, 2010)²⁹.

Teater Forum ialah satu bentuk lakonan yang menggambarkan sesuatu isu atau konflik sosial yang sedang melanda sesuatu masyarakat (Sivak, 1996)³⁰. Penonton diharapkan untuk mengubah konflik yang dipersembahkan dengan mengambil alih peranan watak yang sedang berlakon untuk membawa perubahan dalam kesudahan cerita (Lavender, 1995)³¹. Penonton akan membuat perubahan dalam kesudahan cerita melalui improvisasi dengan menggunakan idea-idea daripada ahli masyarakat yang lain (Kumpulainen & Toom, 2009)³². Teater Forum mendukung

matlamat memberikan kuasa kepada ahli masyarakat untuk campur tangan dalam usaha untuk mengubah konflik sosial dan memberikan penyelesaian terbaik kepada masalah yang melanda masyarakat mereka (Paterson, 1994)³³.

Selain itu, teknik teater memberikan latihan kepada murid yang bakal menjadi warganegara untuk melihat sesuatu konflik sosial secara kritis dan memberikan penyelesaian kepada konflik itu dalam bentuk teater yang dicipta sebelum melaksanakannya dalam kehidupan sebenar (Durdin, 2003)³⁴. Teater Forum telah menetapkan peranan pengajaran yang sedemikian rupa untuk membolehkan murid memahami realiti sosial dan kemudian mereka boleh bertindak untuk mengubahnya. Menurut Boal (1979)²⁶:

we have to create another world, because we know it is possible. But it is up to us to build this other world with our hands and by acting on the stage and in our own life. Theatre is not just an event; it is a way of life. We are all actors; being a citizen is not living in society, it is changing it (p. 3).

Boal (1979)²⁶ percaya murid akan kembali ke dalam realiti masyarakat dan menggunakan penyelesaian yang dipelajari dalam teater ke dalam kehidupan harian. Atas alasan inilah Boal menamakan Teater Forum sebagai “*a rehearsal for the future*” (2006, p. 12)³⁵.

Langkah-Langkah Teater Forum

Ada empat langkah dalam Teater Forum iaitu pengembangan skrip, lakonan anti-model, forum dan lakonan intervensi.

Mengembangkan skrip

Dalam sesi pengembangan skrip, murid-murid perlu menulis sebuah skrip berdasarkan pengalaman kehidupan harian mereka sendiri. Fokus cerita ialah konflik, masalah atau apa yang disebut oleh Boal (1979, 2008)^{26,25} sebagai *an oppression* wujud. Skrip yang ditulis wajib memaparkan situasi penindasan atau tekanan dan watak tersebut gagal mengatasi tekanan atau konflik yang melandanya.

Lakonan anti-model

Skrip yang dikembangkan ini akan dilakonan untuk tontonan umum. Lakonan peringkat ini dikenali sebagai lakonan anti-model. Lakonan anti-model berakhir tanpa penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh watak-watak yang berlakon. Lakonan ini dikenali sebagai lakonan anti-model kerana, lakonan ini bukanlah "model" yang harus penonton contohi atau teladani

(Boal, 2008)²⁵. Masalah yang dikarang dalam skrip dapat digambarkan dengan lebih realistik melalui lakonan anti-model agar penonton dapat dirangsang untuk bertindak atau campur tangan dalam masalah yang mereka lihat. Penonton perlu mengubah konflik dalam lakonan anti-model kepada satu penyelesaian yang lebih harmoni melalauai lakonan intervensi.

Sesi forum

Setelah lakonan anti model ini selesai satu sesi forum akan dikendalikan oleh “joker”. Joker akan berbincang dengan penonton masalah yang dipaparkan dalam persembahan dan cadangan penyelesaiannya. Joker akan meminta para penonton untuk memikirkan penyelesaian yang munasabah atau idea yang boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan konflik yang dialami oleh watak-watak yang tertindas dalam lakonan anti-model. Sesi perbincangan, improvisasi dan penglibatan *spect-actor* ini dikenali sebagai “forum” dalam Teater Forum (Boal, 2008)²⁵.

Lakonan Intervensi

Dalam sesi intervensi Teater Forum lakonan anti-model akan dipersembahkan untuk kali yang kedua. Pada peringkat ini penonton (*spectator*) akan berubah peranan menjadi *spect-actors* dengan mengambil alih peranan watak yang tertindas untuk membawa penyelesaian yang terbaik kepada masalah yang dihadapi (Boal, 2006)³⁵. Sesi intervensi ini membenarkan *spect-actors* untuk memberhentikan lakonan dengan teriakan “HENTI”. Para penonton (*spect-actors*) boleh cuba melakonkan idea penyelesaian mereka di atas pentas. Mereka boleh menawarkan semua idea, strategi dan cara penyelesaian alternatif yang munasabah kepada aksi watak yang tertindas.

Dalam intervensi ini Boal (2006)³⁵ tidak menggalakkan penonton yang pasif seperti dalam teater konvensional. Beliau mahukan penonton yang aktif mengambil bahagian dalam persembahan teater untuk mencipta aksi yang membawa kepada perubahan, menangani konflik yang dipaparkan demi penyelesaian yang harmoni, bermoral dan yang boleh diterima oleh masyarakat.

Metodologi

Peserta Kajian

Penyelidik memilih peserta kajian berdasarkan beberapa kriteria yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian kes (Yin, 2009)³⁶. Penyelidik menggunakan teknik pemilihan peserta kajian secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu pemilihan peserta kajian berdasarkan beberapa pertimbangan dan kriteria yang ditentukan oleh penyelidik sendiri (Miles & Huberman, 1994; Richards & Morse, 2007)^{37,38}. Peserta kajian yang dipilih ialah murid-murid tingkatan

empat aliran sains. Mereka terdiri daripada murid-murid perempuan dan lelaki kaum Cina dan India.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif (Cresswell, 2012)³⁹ dalam reka bentuk kajian kes (Yin, 2009)³⁶. Maka data dikumpulkan daripada pelbagai sumber seperti pemerhatian turut serta, temu bual kumpulan berfokus dan analisis dokumen untuk tujuan triangulasi (Bogdan & Biklen, 2005)⁴⁰. Setiap instrumen (Protokol Temu Bual, Protokol Pemerhatian dan Protokol Catatan Jurnal) yang dipilih telah diubahsuai dengan teliti agar tidak begitu kompleks apabila mengumpul data. Tempoh masa pengumpulan data juga berbeza-beza mengikut keselesaan murid-murid dan persetujuan mereka.

Prosedur Kajian

Dalam konteks kajian ini, semua murid terlibat dalam empat langkah Teater Forum iaitu mengembangkan skrip, lakonan anti-model, sesi forum dan intervensi. Penyelidik yang bertindak sebagai guru, telah merancang satu sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dengan menggunakan teknik Teater Forum. Guru akan mengajar satu unit pengajaran, misalnya Unit 4 (nilai bertanggungjawab) sebanyak dua kali dalam seminggu. Pelajar tingkatan empat akan terlibat dalam keempat-empat langkah Teater Forum ini.

Dalam sesi mengembangkan skrip, murid diminta untuk mengembangkan sebuah skrip berdasarkan pengalaman mereka. Semua murid diminta untuk menentukan masalah atau konflik moral daripada pengalaman harian dan perspektif mereka. Tema dan bahan rangsangan yang digunakan untuk mencipta skrip lakonan anti-model diambil dan diubahsuai daripada unit pembelajaran yang ada dalam buku teks. Buku teks yang menjadi bahan rujukan guru (penyelidik) dan murid ialah buku teks Pendidikan Moral Tingkatan 4, (KBSM) yang dikarang oleh Nur Munirah Teoh binti Abdullah dan Sapiyah binti Ibrahim, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, tahun 2010.

Fokus skrip yang dijana oleh murid ialah, konflik moral, atau apa yang disebut oleh Boal (2008)²⁵ sebagai "penindasan" sebagai satu elemen penting yang wujud dalam skrip. Peserta dalam kajian ini telah menulis lima buah skrip lakonan yang menggambarkan senario penindasan. Skrip A (berkaitan konflik yang wujud samasa melaksanakan "group study" di antara rakan-rakan sekelas), Skrip B (konflik di antara jiran yang berjawatan doktor perubatan dan jiran yang sakit), Skrip C (konflik keluarga dalam mengekalkan adat perkahwinan anak-anak mereka), Skrip D (konflik suami yang mendera isteri) dan Skrip E (konflik dalam perniagaan di antara dua orang tukang jahit). Rujuk Lampiran E hingga Lampiran I untuk melihat Skrip A hingga Skrip E.

Selepas penghasilan skrip, peserta telah melakonkan kelima-lima skrip tersebut. Hal ini kerana Teater Forum dapat menukarkan pengalaman yang abstrak kepada pengalaman yang konkrit (Gourd & Gourd, 2011; Hammond, 2012)^{41,42}. Pendekatan artistik ini yang melibatkan ekspresi wajah, vokal, dialog, pergerakan badan dan gerak mata dapat memudahkan pemahaman murid tentang sesuatu isu. Dalam konteks kajian ini, lima lakonan anti-model dipersembahkan dalam lima minggu. Setiap lakonan anti-model ini berakhir tanpa penyelesaian kepada penindasan yang dialami oleh watak yang teraniaya.

Selepas lakonan anti-model selesai seorang “Joker” telah mengendalikan sesi forum. Dalam sesi forum, Joker telah berbincang dengan penonton tentang masalah yang dipaparkan dalam lakonan anti-model. Joker meminta penonton untuk memikirkan idea yang boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan konflik yang dialami oleh watak-watak yang tertindas. Perbincangan dan penyertaan penonton yang dikenali sebagai “forum” dalam Teater Forum telah berakhir dengan sejumlah penyelesaian yang telah dicadangkan oleh penonton. Dalam kajian ini sesi forum dikendalikan selepas lakonan anti-model. Misalnya, selepas selesai lakonan anti-model skrip A, sesi forum diadakan untuk membincangkan cara penyelesaian kepada masalah yang dipaparkan dalam skrip A. Sesi forum dengan prosedur yang sama dikendalikan untuk semua skrip (Skrip A hingga Skrip E).

Akhirnya, semua pelajar akan terlibat dalam sesi lakonan intervensi. Dalam intervensi Teater Forum, lakonan anti-model telah dipersembahkan untuk kali yang kedua. Pada peringkat ini, penonton (*spectator*) telah berubah peranan menjadi penonton/pelakon atau “*spect-actors*” (Boal, 2008)²⁵. Sesi intervensi ini membenarkan *spect-actors* untuk memberhentikan lakonan dengan teriakan “HENTI”. Mereka telah menawarkan penyelesaian melalui interaksi seperti melangkah masuk dan keluar ke dalam persembahan. Para *spect-actors* telah menawarkan semua idea, strategi dan cara penyelesaian alternatif yang munasabah kepada aksi watak yang tertindas. Tujuan sesi intervensi ialah untuk memberikan pengalaman kepada peserta agar pengalaman ini menjadi satu “latihan” untuk menghadapi realiti kehidupan. Sebanyak lima sesi lakonan intervensi telah dilaksanakan dalam sepanjang kajian ini.


Analisis Data

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema (*thematic analysis*) berdasarkan langkah-langkah yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2006)⁴³. Proses analisis data kualitatif yang melibatkan langkah-langkah seperti pengurusan dan penyediaan data, transkripsi, reduksi atau penyaringan data, pengekodan, penghasilan tema dan sub-tema serta paparan hasil (Braun & Clarke, 2006; Boeije, 2010; Boyatzis, 1998; Miles & Huberman, 1994)^{43,44,45,37} dilaksanakan oleh penyelidik. Data dalam bentuk transkrip temu bual, catatan jurnal dan catatan pemerhatian dipindahkan dalam bentuk kod (*coding*). Bagi Corbin dan Strauss (2008)⁴⁶ pengekodan (*open coding, axial coding dan selective coding*) merupakan cara untuk menyusun dan memecahkan data kepada kategori yang mudah. Melalui pengekodan, data yang

berhubung kait dengan sesuatu idea, tema atau kategori mudah dikenal pasti. Langkah-langkah yang terlibat dalam analisis data ini bersifat interaktif, menggunakan kaedah 'bottom-up' (Boyatzis, 1998; Creswell, 2008)^{45,47} dan bertimbal balik antara satu sama lain. Kesemua data yang diperoleh disusun untuk menjawab soalan kajian.

Analisis Dan Dapatan Kajian

Triangulasi data daripada ketiga-tiga sumber iaitu temu bual, pemerhatian dan catatan jurnal telah digunakan untuk menjawab soalan kajian. Berdasarkan analisis tersebut, sebanyak lima tema telah muncul untuk menunjukkan bahawa unsur-unsur dalam Teater Forum mampu menjadi kerangka Model untuk membentuk satu pedagogi pengajaran Pendidikan Moral yang nyata. Tema-tema tersebut ialah unsur dialog, unsur latihan, unsur lakonan, unsur penyelesaian masalah dan unsur dalaman dan luaran Teater Forum. Perbincangan seterusnya akan mengupas setiap tema yang terjana ini. Rujuk Rajah 2.



Rajah 2. Unsur-unsur Teater Forum

Tema 1: Unsur Dialog

Dialog menjadi salah satu ciri penting dalam kerangka pedagogi Pendidikan Moral. Isu-isu moral dapat diteroka, dibincang dan dianalisis melalui dialog. Hasil temu bual menunjukkan unsur dialog dalam Teater Forum mampu menjadi unsur penting dalam melahirkan murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi. Dialog yang distrukturkan dalam skrip lakonan anti model, berdialog dan berbincang dalam sesi forum serta susunan dialog dalam lakonan intervensi mampu mencungkil aspek kreativiti dan pemikiran kritis murid. Rujuk temu bual berikut:

Peserta 1: Kami tulis dialog dalam skrip dan gunakan dialog atau kata-kata untuk bercakap. Dalam lakonan anti-model, semasa cakap isu (berdialog) yang kita cakap...macam dialog "alah..saya sibuk dan letih..jumpa doktor lainlah".. boleh difahami oleh murid lain. Semasa sesi forum dialog ini boleh membuatkan penonton berfikir tentang ini. [smk Bulan/temkumfokus/19.5.17]

Petikan Jurnal peserta kajian juga menunjukkan bahawa dialog dapat memaparkan isu dan pemikiran moral. Rujuk petikan jurnal berikut:

Isu tentang Ah Mei yang tidak sopan ditunjukkan melalui dialog yang Ah Mei ucapkan. Saya yang berlakon sebagai Ah Mei dapat menunjukkan sikap kurang ajar saya dengan dialog seperti "suka sayalah...awak jangan risau" dan sebagainya. isu moral boleh nampak di sini. [smk Bintang/jur/R7/25.5.17]

Pemerhatian juga menunjukkan bahawa dialog- dialog yang diucapkan oleh para pelakon dalam anti-model dan intervensi dapat memaparkan isu-isu moral, aspek perasaan, pemikiran dan tindakan mereka. Konflik yang disampaikan melalui lakonan anti-model juga difahami oleh penonton. Malahan dialog yang berlaku di antara pelakon, penonton (*spect-actor*) dan Joker dalam sesi forum juga membuka ruang untuk percambahan pemikiran yang kritis, kreatif dan inovatif. Kemahiran berfikir aras tinggi juga dapat diperhatikan apabila para penonton menganalisis dan menilai sesuatu konflik dan isu moral dalam sesi dialog ini. Malahan isu-isu moral juga dapat ditunjukkan melalui dialog yang berunsur dramatik dapat meningkatkan kesedaran moral seperti kesabaran, kesederhanaan, dan kesedaran moral secara kritis. [smk Bulan/protopemer/Ban/10.3.17]

Tema 2: Unsur Latihan

Unsur latihan atau *rehearsal* dalam Teater Forum juga mampu mengembangkan aspek pemikiran moral, aspek kesedaran tentang diri dan orang lain, aspek interpersonal dan pembangunan sosial seseorang individu. Latihan secara bersiri dan berkala dalam Teater Forum dapat memberikan pengalaman moral yang berharga kepada murid. Teori-teori moral yang dipelajari di bilik darjah dapat diaplikasikan melalui latihan-latihan lakonan yang disertai oleh murid. Kemahiran-kemahiran moral seperti amalan menolong, menderma dan memberikan kata-kata bermoral akan menjadi tabii dan sikap moral seseorang melalui latihan-latihan begini. Rujuk hasil temu bual berikut:

Peserta 4: Dalam lakonan intervensi kami berpeluang untuk membuat latihan tentang cara-cara menjadi suami yang penyayang (Skrip D). Setiap petang kami membuat latihan ini. Latihan ini membantu kami memberikan pengalaman untuk menjadi manusia yang baik dan nilai nilai seperti tolong menolong dan derma duit...macam jadi nilai kami.. kami rasa macam itu. [smk Bulan/temkumfokus/13.4.17]

Catatan jurnal peserta kajian juga memaparkan perkara yang sama. Rujuk catatan jurnal berikut:

Latihan dalam sesi forum telah membantu kami menggunakan idea-idea yang logik untuk berhujah. Kita perlu tunjukkan pemikiran yang kritis dan kreatif... Latihan berdialog atau berhujah dapat membentuk pemikiran kita untuk berfikir

yang baik dan betul, berfikir secara cepat dan tepat serta berfikir seperti orang lain fikir. [smk Bulan/jur/R1/14.4.17]

Selain itu, laporan pemerhatian pula menunjukkan bahawa para peserta mengambil serius aspek latihan untuk melakonkan lakonan anti-model dan intervensi. Selai mahu memastikan watak-watak yang dibawa lebih realistik, latihan ini juga menjadi cara untuk mereka menterjemahkan teori moral kepada tingkah laku moral yang bermakna. Misalnya latihan untuk menjadi watak ibu yang baik (skrip B), telah membentuk sikap positif seperti berfikir dan meletakkan diri peserta ke dalam situasi orang lain. Mereka dapat memahami masalah orang lain, dan latihan seperti mengamalkan nilai dan norma sosial masyarakat Malaysia telah dapat menerapkan nilai-nilai ini ke dalam sanubari peserta. Latihan membentuk sikap watak menjadi baik, pemikiran yang patut ada pada watak dan tindakan tepat watak menjadi latihan moral yang dapat digunakan sebagai pengalaman untuk menyelesaikan konflik moral yang timbul dalam kehidupan seharian. [smk Bintang/protopemer/Ati/13.6.17]

Tema 3: Unsur Lakonan

Tugas sebenar Teater Forum bukan untuk melahirkan para pelakon profesional untuk tujuan pementasan drama atau teater. Lakonan di sini bermaksud, setiap tindakan, aksi dan reaksi murid terhadap sesuatu konflik yang dilalui atau diberikan kepada mereka. Oleh itu, unsur lakonan ini juga menjadi unsur penting dalam pembentukan pedagogi Pendidikan Moral. Setiap fakta moral dapat diajar secara santai melalui lakonan seperti lakonan anti-model, lakonan intervensi, main peranan dan simulasi. Unsur lakonan dalam Teater Forum menjadi wahana pembelajaran aktif kerana murid akan terlibat secara aktif dalam kempa-empat langkah dalam Teater Forum. Dalam teknik ini murid buka lagi menjadi pendengar yang pasif.

Hasil temu bual juga menunjukkan unsur lakonan anti model dapat menimbulkan perbincangan dalam kalangan peserta dalam sesi forum. Manakala lakonan intervensi memberikan penyelesaian, teladan dan pengajaran moral yang baik kepada murid. Lakonan ini mewujudkan iklim untuk murid bercakap, berinteraksi, meluahkan perasaan, bertindak terhadap orang lain dan mampu mencerminkan pemikiran seseorang. Hal ini mampu mengembangkan aspek pengadilan moral dan perkembangan pemikiran peserta kajian. Rujuk hasil temu bual berikut:

Peserta 6: Lakonan anti model menjadikan saya berasa sedih,dan simpati kepada watak Akma, (isteri) yang didera oleh suaminya Ikhwan. (Lakonan anti-model skrip D). Pemikiran saya terganggu, dan saya rasa macam nak report saja suami itu kepada polis.

Penyelidik: Apa pula kesan dalam lakonan intervensi?

Peserta 3: Tapi dalam lakonan intervensi..suami jadi baik..seperti bercakap lemah lembut dengan isteri..dia menyayangi isteri dan hormatnya. Saya belajar banyak nilai moral daripada lakonan intervensi seperti menyayangi orang,

cara kita menghormati perempuan dan cara kita melayani perempuan dengan sopan.. [smk Bulan/temkumfokus/13.3.17]

Catatan jurnal peserta menunjukkan, lakonan juga dapat menggambarkan sesuatu konflik moral dengan nyata untuk pemahaman yang mudah. Lakonan anti-model memaparkan tingkah laku negatif individu dalam masyarakat dan perlakuan yang tidak patut dicontohi oleh murid. Manakala lakonan intervensi pula memberikan teladan dan pengajaran untuk murid berfikir dan bertindak secara bermoral. Rujuk catatan jurnal berikut:

Dalam lakonan anti model (skrip E), saya dapat lihat sikap tidak baik watak Esah yang dengki, cemburu dan buat fitnah kepada orang lain. Esah juga ada pemikiran kotor untuk merosakkan perniagaan watak Senah. Dalam lakonan intervensi saya dapat contohi sikap seperti kita perlu berkongsi ilmu untuk maju...seperti Senah adakan bengkel untuk mengajar seni menjahit kepada orang kampung (skrip E). [smk Bulan/jur/R3/15.3.17]

Catatan pemerhatian pula menunjukkan unsur lakonan dapat menncungkil pemikiran, perasaan dan tindakan moral para peserta. Lakonan anti-model telah mampu membangkitkan perasaan kecewa, simpati dan empati peserta terhadap watak yang tertindas. Lakonan ini mampu menyentuh emosi, pemikiran dan hati nurani peserta. Selain itu, lakonan anti-model mewujudkan konflik sebenar (*real-life dilemma*) seperti dalam kehidupan harian. Dalam pada itu, lakonan intervensi pula, merangsang pemikiran peserta untuk mencari penyelesaian yang kreatif kepada isu yang diutarakan. Teater Forum dan unsur lakonan memberikan peluang kepada murid untuk membina pemikiran, perasaan dan tindakan yang selaras dengan norma masyarakat negara ini. [smkBulan/propemer/Ban/18.5.2017]

Tema 4: Unsur Penyelesaian Masalah

Teater Forum juga mengembangkan kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan dalam kalangan murid. Dalam lakonan anti-model murid akan memberikan konflik yang tidak dapat diselesaikan oleh watak utama. Konflik yang dipaparkan ini pula akan dibincangkan dalam sesi forum. Perbincangan dan diskusi di antara audian, Joker dan pelakon dalam sesi forum dapat merangsang aspek penaaakulan moral dan pertimbangan moral peserta kajian terhadap sesuatu konflik yang dibincangkan. Hal ini kerana, selepas perbincangan, murid perlu mengambil keputusan dengan mencari alternatif penyelesaian yang sesuai untuk menangani konflik yang dipaparkan melalui lakonan intervensi.

Hasil temu bual menunjukkan, setiap isu yang ditonjolkan dalam lakonan anti-model akan dianalisis untuk mencari sebaba-musabab dan diberikan justifikasi terhadap setiap pilihan tindakan dan alternatif penyelesaian yang dicadangkan. Hal ini akan dapat melahirkan murid yang mampu membuat penalaran (*reasoning*), pandai membuat keputusan dan warganegara yang berpemikiran kritis dan kreatif. Rujuk temu bual berikut:

Peserta 5: Aktiviti Teater Forum, boleh membuatkan kita berfikir..dan berfikir tentang cara atasi masalah yang ada..dan cari cara penyelesaian yang betul..dalam sesi forum kita perlu berikan sebab, punca dan justifikasi terhadap isu yang ada. [smk Bintang/temkumfokus/14.6.17]

Catatan jurnal murid menunjukkan bahawa Teater Forum merangsang kemahiran berfikir, kemahiran membuat keputusan, dan membentuk struktur pemikiran. Rujuk catatan jurnal berikut:

Anti-model mendorong kita untuk berfikir..mula-mula apa masalah itu.. kemudian punca masalah seperti masalah Mak Jah dan doktor perubatan (skrip B). Kita kena fikir dalam konteks Malaysia..tak boleh *free thinker*... Ini membentuk satu cara pemikiran... yang.. yang sistematik [smk Bulan/jur/R7/20.5.17]

Manakala catatan pemerhati pula menunjukkan, sejak penulisan skrip hingga ke lakonan anti-model, peserta perlu berfikir , mengambil keputusan dan menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul. Dalam lakonan anti-model peserta berfikir tentang masalah yang dipaparkan, punca masalah itu, sebab-musabab, dan strategi penyelesaian yang wajar. Peserta juga perlu meneroka masalah yang dikemukakan dalam sesi forum dan berhujah tentang strategi yang dikemukakan secara lisan. Strategi yang dipilih akan diaplikasikan dalam lakonan intervensi. Ternyata keempat-empat langkah dalam Teater Forum mampu melahirkan individu yang berfikiran kritis, kreatif dan yang mendukung nilai-nilai moral serta kemanusiaan. [smk Bintang/propemer/Ati/23.5.17]

Tema 5: Unsur Dalaman dan Luaran

Teater Forum juga berdiri atas prinsip dalaman dan luaran. Aktiviti menulis skrip, sesi forum dan lakonan dalam Teater Forum melibatkan unsur luaran (fizikal) dan unsur pemikiran rasional, membuat pertimbangan, akal dan kreativiti melibatkan unsur dalaman. Penguasaan unsur luaran iaitu unsur psikomotor akan mampu menguasai unsur dalaman seperti aspek afektif dan kognitif, kerana ketiga-tiganya saling berkaitan (Lavy, 1997)²⁴. Lakonan intervensi akan memberikan penekanan kepada kepentingan nilai moral dan pada masa yang sama kepentingan membuat pertimbangan untuk mengambil keputusan. Dalam konteks ini unsur lakonan atau perlakuan fizikal akan mempengaruhi perasaan dan pemikiran pelakon yang terlibat dalam lakonan intervensi. Pada masa yang sama lakonan intervensi juga akan mempengaruhi sikap moral murid yang menonton aksi secara luaran serta unsur perasaan dan pemikiran moral turut dapat diterapkan secara tidak langsung ke dalam hati sanubari murid. Rujuk hasil temu bual berikut:

Peserta 4: Saya memegang watak doktor Lisa dalam lakonan intervensi (skrip B). Tindakan saya yang baik seperti bercakap dengan sopan kepada Mak Jah,

merawat Yani dan bersalaman dengan Yani (watak cereka), dapat membentuk perasaan dan pemikiran saya. Selepas lakon pun saya macam puas dan fikiran dan perasaan saya masih mengingatkan lakonan itu...ada kesan dalam hati...saya berjanji akan jadi doktor yang baik bila bekerja sebagai doktor sebenar. [smk Bulan/temkumfokus/19.5.17]

Berikut pula hasil catatan jurnal seorang peserta. Dalam catatan jurnal peserta menyatakan bahawa:

semasa berlakon sebagai watak suami yang garang, suka memukul isteri dan panas baran (skrip D), saya sendiri tidak suka kepada watak jahat ini. Apabila saya pukul watak isteri...macam fikiran dan perasaan saya juga turut tidak baik macam biasa..saya sendiri malu jadi jahat...Saya faham apabila tindakan kita jahat...emosi dan perasaan kita juga turut tak betul..[smk Bulan/jur/R4/20.5.17]

Laporan pemerhatian pula menunjukkan, peserta kajian dapat menunjukkan adanya perkaitan erat antara tindakan, perasaan dan pemikiran. Unsur dalaman dan luaran ini, saling mempengaruhi tindakan, pemikiran dan perasaan peserta. Dalam skrip E, pemikiran Esah yang mahu merosakkan perniagaan Senah, menyebabkan Esah cemburu dan menabur fitnah dan bertindak biadab terhadap Senah. Dalam konteks ini pemikiran yang mempengaruhi perasaan dan tindakan. Manakala dalam skrip A pula perlakuan Ah Mei yang sambil lewa atau tidak peduli telah mempengaruhi perasaannya untuk membenci dan marah akan rakan-rakannya. Situasi ini juga mempengaruhi pemikiran bahawa rakan-rakannya suka jaga tepi kain orang dan suka mengkongkong. Ternyata kedua-dua unsur dalaman dan luaran mampu membentuk pemikiran, perasaan dan tingkah laku moral.

Kesimpulan

Teater Forum menjadi relevan kerana teknik ini berasaskan permainan dan murid dapat terlibat secara fizikal dan mental dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid sebenarnya sudah ada pengalaman bermain, meniru aksi dan berlakon secara tidak langsung dalam mengembangkan pengetahuan, intelek dan emosi mereka (Piaget, 1951)⁴⁸. Keinginan bermain sambil belajar adalah asas psikologi manusia dan Teater Forum menitikberatkan unsur didik-hibur ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran (McSharry & Jones, 2000)⁴⁹. Dalam hubungan ini, Teater Forum dikatakan mampu menjadi pemangkin perubahan dengan meningkatkan kesedaran individu (Schreoter, 2008)⁵⁰. Konsep dan teknik pengajaran dan pembelajaran Teater Forum selaras dengan aspirasi program Pendidikan Moral di Malaysia yang mahu melahirkan insan menyeluruh secara sedar dari aspek pemikiran, perasaan dan tindakan moral. Ketiga-tiga unsur ini menjadi asas dalam pembentukan modal ekonomi dan modal sosial negara.

Rujukan

1. Chang, L. H. (1998). *Moral reasoning of Malaysian students: A study of choices of action, values and orientations of 16 year-old students*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Macquairie.
2. Vishalache Balakrishnan. (2011). *Real-life dilemmas in Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
3. Ministry of Education Malaysia. (2000). *Moral subject KBSM syllabus (Sukatan pelajaran Pendidikan Moral KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Ruiz, P. O. (2010). Moral Education as pedagogy of alterity. *Journal of Moral Education*, 33(3), 271-289.
5. Ministry of Education Malaysia. (2004). *Moral subject KBSM syllabus (Sukatan pelajaran Pendidikan Moral KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Lickona, T. (1991). *Educating for character: How our schools can teach respect and responsibility*. New York, NY: Bantam.
7. Carr, D. (2005). Personal and interpersonal relationships in education and teaching: A virtue ethical perspective. *British Journal of Educational Studies*, 53(3), 255-271.
8. Carr, D. (2006). Professional and personal values and virtues in teaching. *Oxford Review of Education*, 32(2), 171-183.
9. Hanson, D. T. (1998). The moral is in the practice. *Teaching and Teacher Education*, 14(6), 643-655.
10. Singhal, A., & Rogers, E. M. (1999). *Entertainment-education. A communication strategy for social change*. Mahwah, NJ: Erlbaum.
11. Freire, P. (2000). *Pedagogy of the oppressed*. New York: Continuum International.
12. Freire, P. (2013). *Education for critical consciousness*. London: Bloomsbury Academic.
13. Abdul Qasem, M. (1978). *The ethics of Al-Ghazali: A composite ethics in Islam*. New York: Caravan Books.
14. Hamid Reza Alawi. (2007). Al-Ghazali on moral education. *Journal of Moral Education*, 36(3), 309-319.
15. Chia, Y. L. (2007). *Alternative method of teaching moral values: Concretization of moral values*. Retrieved from www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/.../2007/.../chiabengkelIPSfp.pdf
16. Kilbane, C. R., & Milman, N. B. (2014). *Teaching models: Designing instruction for 21st century learners*. Boston, MA: Pearson.
17. Pithers, R. T., & Soden, R. (2000). Critical Thinking in education: A review. *Educational Research*, 42(3), 237-249.
18. Abrahams, F. (2005). Transforming classroom music instruction with ideas from critical pedagogy. *Music Educators Journal*, 92(1), 62-67.
19. McLaren, P. (2002). *Life in schools: An introduction to critical pedagogy in the foundations of education (4th ed.)*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
20. McLaren, P. (2003). Critical pedagogy: A look at the major concepts. In A. Darder, M. Baltodano & R. Torres (Eds.). *The critical pedagogy reader* (pp. 69-96). New York, NY: Routledge.
21. Kincheloe, J. (2008). *Knowledge and critical pedagogy: An introduction*. Amsterdam, The Netherlands: Springer.
22. Nadarajan Thambu., & Muhammad Hasbi Abdul Rahman. (2017). Forum Theatre as a behavior change strategy: Qualitative findings from Moral Education class. *The Journal*

- of the South East Asia Research Centre for Communications and Humanities (SEARCH), 9(1), 25-46.
23. Damon, W. (Ed.). (2002). *Bringing in a new era in character education*. Stanford, CA: Hoover Institution Press.
 24. Levy, J. (1997). Theatre and moral education. *Journal of Aesthetic Education*, 31, 65-75.
 25. Boal, A. (2008). *Theatre of the oppressed (new edition)*. London, UK: Pluto Press.
 26. Boal, A. (1979). *Theatre of the oppressed*. (C. A. McBride & M. O. L. McBride, Trans.). New York, NY: Urizen.
 27. Babbage, F. (2004). *Augusto Boal*. New York, NY: Routledge.
 28. Hewson, A. (2007). Emotions as data in the act of Jokering Forum Theatre. *International Journal of Education & the Arts*, 8(18), 1-29. Diakses daripada <http://www.ijea.org/v8n18/>
 29. Osburn, K. M. (2010). *Forum theatre empowering students to speak, act and know*. Kertas projek, ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan. Western Kentucky University. Diakses daripada http://digitalcommons.wku.edu/stu_hon_theses/245
 30. Sivak, H. (1996). *Forum Theatre from a community psychology perspective*. Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Wilfrid Laurier Kanada. Diakses daripada scholars.wlu.ca/cgi/viewcontent.cgi?article=1573&content=etd
 31. Lavender, A. (1995, Januari 20). *Theatrical Utopia*. *New Statesmen & Society*, 8, 32. Diakses daripada www.ptoweb.org/boal.html
 32. Kumpulainen, K., & Toom, A. (Eds.). (2009). ETEN 18. Proceedings of the 18th annual conference of the European Teacher Education Network. Helsinki: Finland. Diakses daripada www.eten-online.org/eten.publications.php
 33. Paterson, D. L. (1994, Fall). A role to play for the theatre of the oppressed. *The Drama Review T*, 143, 37-49.
 34. Durden, E. (2003). *Problem solving theater: A case study of the use of participatory Forum Theatre to explore HIV/AIDS issues in the workplace*. Retrieved from Ccms.ukzn.ac.za/index.php?option=content&task
 35. Boal, A. (2006). *The aesthetics of the oppressed*. Oxford, UK: Routledge.
 36. Yin, R.K. (2009). *Case study research: Design and methods (4th ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
 37. Miles, M.B., & Huberman, A.M. (1994). *Qualitative data analysis: A sourcebook of new methods*. Beverly Hills: Sage.
 38. Richards, L., & Morse, J.M. (2007). *Readme first for a user's guide to qualitative methods*. London: Sage.
 39. Creswell, J. W. (2012). *Educational research planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (4th ed.)*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
 40. Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2005). *Qualitatif research in education: An introduction to theory and methods (5th ed.)*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
 41. Gourd, K. M., & Gourd, T. Y. (2011). Enacting democracy: Using forum theatre to confront bullying. *Equity & Excellence in Education*, 44(3), 403-419.
 42. Hammond, N. (2012). *Introducing forum theatre to elicit and advocate children's views*. *Educational Psychology in Practice: theory, research and practice in educational psychology*. Diakses daripada <http://dx.doi.org/10.1080/02667363.2012.733309>
 43. Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research psychology*, 3, 77-101.
 44. Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage.

45. Boyatzis, E.R. (1998). *Transforming qualitative information: Thematic analysis and code development*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
46. Creswell, J. W. (2008). *Educational research planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
47. Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research (3rd Ed.)*. Thousand Oaks: Sage.
48. Piaget, J. (1951). *Play, dreams and imitation in childhood*. London: Heinemann.
49. McSharry, G., & Jones, S. (2000). Role-play in science teaching and learning. *School Science Review*, 82(298), 73-82.
50. Schroeter, S. (2008). *Theatre in my toolbox: Using Forum Theatre to explore notions of identity, belonging and culture with Francophone secondary students in a context of diversity*. Unpublished Master Dissertation. York University, Toronto.

Citation in Malay

Nadarajan Thambu. (2019). Potensi unsur-unsur teater forum dalam pembentukan insan menyeluruh: Dapatan kajian kualitatif kelas Pendidikan Moral. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 77-95. <https://doi.org/10.33306/mjssh/07>

Citation in English

Nadarajan Thambu. (2019). Potential of forum theatre in forming a holistic human being: Qualitative findings from Moral Education class. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(1), 77-95. <https://doi.org/10.33306/mjssh/07>